

19 APR 2002

PERODUA-PASARAN/I

KERETA KELISA PANDU SEBELAH KIRI DIKELUARKAN MENJELANG AKHIR TAHUN

Oleh: Mohd Arshi Daud

TRIPOLI, 19 April (Bernama) -- Kereta Kelisa pandu sebelah kiri yang dijangka dikeluarkan menjelang akhir tahun, mungkin dapat membuka pasaran-pasaran baru bagi Perusahaan Otomobil Nasional Kedua (Perodua), pembuat kereta nasional kedua.

"Kami sedang menjalankan R&D yang perlu. Jika semuanya berjalan mengikut perancangan, kami berharap dapat mengedarkan kereta Kelisa pandu sebelah kiri menjelang akhir tahun," kata pengarah eksekutif jualan Perodua, Zainuddin Bahaudin.

Kereta pandu sebelah kiri Perodua yang ada sekarang hanyalah model Kancil yang dijual di Mesir, kata Zainuddin, salah seorang daripada 185 anggota perwakilan yang mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dalam lawatannya ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

Zainuddin mengikuti rombongan tersebut dalam misi meneroka pasaran-pasaran baru bagi Perodua.

Setakat ini, kata Zainuddin, beliau telah dihubungi oleh lapan pihak yang berminat terhadap kereta Kelisa iaitu tiga di Libya dan lima di Maghribi.

"Kami sedang mengkaji untuk mengesport Kelisa ke pasaran-pasaran ini. Satu pasukan susulan akan dihantar ke kedua-dua negara ini untuk menguruskan rancangan ini, jika kami dapati ia berdaya maju," katanya kepada Bernama.

Kereta Kelisa pandu sebelah kiri pertama akan dieksport ke negara-negara Timur Tengah, termasuk Mesir, Jordan, Syria dan Lubnan menjelang pertengahan tahun ini.

Bagaimanapun, bilangan unit yang akan dieksport ke Timur Tengah masih belum ditentukan.

Kereta Kelisa pandu sebelah kanan telahpun dieksport ke United Kingdom sejak Januari lalu.

Peniaga eksklusif Perodua di sana mendakwa bahawa model Kancil sekarang mendapat sambutan hangat dalam segmen kereta kecil (di bawah 1.1 liter) dan menikmati jualan purata 600 unit setahun.

Zainuddin berkata, dengan harga yang sesuai, pasaran-pasaran baru bagi Kelisa boleh dikembangkan di Maghribi dan Libya.

Pada masa ini, kereta-kereta yang dikeluarkan di Eropah, kebanyakannya dengan kapasiti enjin melebihi 1.1 liter, menguasai pasaran di kedua-dua negara itu.

Perodua telah mengesport kenderaan-kenderaan ini sejak tahun 1999, dan setakat ini ia telah menghantar kereta-keretanya ke 15 buah negara pada kadar purata 2,500 unit setahun.

"Ini masih terlalu kecil. Kami belum mahu meluaskan pasaran kami. Kami mahu memberi tumpuan dan memperkukuhkan kedudukan kami dalam pasaran-pasaran sedia ada," katanya lagi. -- BERNAMA

MAD MKO KTC KY JR